



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI SELANGOR**
Menara NAZA TTDI
Tingkat 6, 12 dan 13
No. 11, Jalan Judo 13/45
Seksyen 13, 40100 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 603-5520 5200
Laman Web:
<http://selangor.anm.gov.my>

PERINGATAN PERTAMA

Ruj. Kami : ANMSEL.A.400-1/3/13 JLD.2 (42)

Tarikh : 15 Oktober 2025

**Ketua-Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Di Bawah Seliaan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Selangor**

Tuan/Puan,

SIJIL PENGESAHAN BAKI TERIMAAN BAGI BULAN SEPTEMBER 2025

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

- Dimaklumkan bahawa selaras dengan **Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 3 Tahun 2025**, Sijil Pengesahan Baki hendaklah dikemukakan ke jabatan ini **selewat-lewatnya 14 hari dari hari pertama bekerja pada bulan berikutnya**. Walau bagaimanapun, semakan jabatan ini mendapati PTJ Tuan/Puan seperti di **Lampiran A** masih **belum** mengemukakan Sijil Pengesahan Baki (SPB) dalam tempoh yang ditetapkan.
- Sehubungan itu, kerjasama pihak Tuan/Puan adalah dipohon untuk mengemukakan SPB tersebut berserta dengan surat tunjuk sebab yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan masing-masing kepada jabatan ini **selewat-lewatnya pada 31 Oktober 2025**.
- Kelewatan atau kegagalan mengemukakan Sijil Pengesahan Baki tersebut akan menyebabkan ketidakpatuhan kepada Arahan Perbendaharaan 143(b).
- Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, sila hubungi pegawai-pegawai seperti berikut:

Nama Pegawai	Jawatan	No. Telefon
Encik Hazeman Bin Aziz	Penolong Pengarah Kanan	03-5520 5333
Puan Norsuzila Binti Misbah	Penolong Akauntan	03-5520 5270
Puan Norulaidil Binti Othman (PIC)	Pembantu Tadbir (Kew)	03-5520 5227

- Perhatian dan kerjasama pihak Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah kami hargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,

(SIVANESAN A/L N.RAGAYAN C.A.(M), CPA(M), CPFA(UK))

Timbalan Pengarah

b.p. Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Selangor

No. Tel : 03-55205301

E-mel : sivanesan@anm.gov.my

Tajuk : **SIJIL PENGESAHAN BAKI TERIMAAN BAGI BULAN SEPTEMBER 2025**
Ruj. kami : ANMSEL.A.400-1/3/13 JLD.2 (42)
Bertarikh : 15 Oktober 2025

LAMPIRAN A

**SENARAI PTJ YANG BELUM MENGEMUKAKAN SIJIL PENGESAHAN BAKI TERIMAAN
BAGI BULAN SEPTEMBER 2025**

Kemaskini sehingga 15 Oktober 2025

BIL	KOD PTJ	NAMA PTJ
1	50060801	PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH SABAK BERNAM
2	53120201	IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN NEGERI SELANGOR